

DATE: 26/6/2010

## 'Pendakwah usah ekstrem'

**K**ANGAR: Pendakwah tempatan perlu bebas daripada pengaruh ekstrem yang merosakkan imej Islam dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pengaruh dan tindakan berunsurkan ekstremis bukan saja tidak mencerminkan imej sebenar Islam, malah bertentangan dengan ajaran al-Quran yang menjadi sumber rujukan utama agama.

Justeru, Dr Mahathir menggesa pendakwah di negara ini terutama yang berniaga di bawah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) memainkan peranan dengan menjadikan al-Quran rujukan utama dakwah bagi memastikan tanggapan negatif dihapuskan daripada imej agama.

Berucap merasmikan Mesyuarat Agung PERKIM peringkat Kebangsaan Ke-49 di sini, semalam Dr Mahathir yang juga Yang Dipertua PERKIM, berkata Islam adalah agama yang tidak keterlaluan, tidak keras dan tidak kejam. Malah, Islam mengutamakan keadilan lebih daripada aspek lain dalam setiap sudut pengamalannya.

Bagaimanapun, katanya, dunia kini semakin ke arah



**DR MAHATHIR menerima replika cek daripada Shahidan di Kangar, semalam.**

sifat keras dan kejam yang bukan sebahagian ajaran Islam, terutama di negara tertentu sehingga menyebabkan imej Islam menjadi buruk dan masyarakat Islam dipandang rendah dan hina.

"Beberapa amalan dan dasar yang cuba atau sudah dilaksanakan termasuk di negara itu turut menyebabkan pandangan umum terhadap Islam semakin meleset, sekali gus mencerminkan imej kurang tepat

terhadap agama Allah.

"Saya tidak mahu sesiapa *hijack* (pergunakan) Islam untuk kepentingan mereka. Lebih-lebih lagi ia boleh memburukkan imej agama," katanya di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau selaku Pengerusi Perdana Global Peace Organization, turut menerima sumbangan RM50,000 bagi pihak badan itu yang disampaikan Naib Presiden PERKIM, Datuk Seri Shahidan Kassim.